

14/01/2002

Klibor

KONTRAK hadapan tiga bulan KLIBOR yang diniagakan di Bursa Derivatif Malaysia (MDEX) mungkin bergerak dalam jajaran sempit minggu ini, kata seorang peniaga.

Katanya, pelabur tidak pasti sama ada akan berlaku perubahan kadar faedah dalam jangka terdekat ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Jumaat lalu bahawa penurunan seterusnya yen boleh mendorong penetapan ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) dikaji semula.

Secara perbandingan Jumaat ke Jumaat, Januari 2002 turun tujuh mata asas kepada 96.57, Jun 2002 susut 12 mata asas kepada 96.5 dan Mac 2003 jatuh empat mata asas kepada 95.9.

Jumlah dagangan terkumpul minggu ini meningkat kepada 1,480 lot daripada 1,070 lot yang dicatat pada minggu sebelumnya. Penanda aras, Klibor tiga bulan naik kepada 3.29 peratus daripada 3.28 peratus sebelumnya.

(END)